

Headline	Saya orang Malaysia, bukan Arab		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	22	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	M P FARUSH KHAN	AdValue	RM 6,789
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,367



Saya orang Malaysia, bukan Arab!

Kewartawanan adalah dunia pilihan saya, maka tidaklah hairan ia sentiasa di hati saya dalam apa keadaan sekali pun.

Namun, apabila ada ganjaran sebagai menghargai sumbangan kita, ia menjadikan kerja kita lebih menyeronokkan.

Ketika di *New Straits Times Press (NSTP)* selama 31 tahun, penghargaan untuk staf agak memuaskan.

Syarikat agak pemurah; memberi bonus, elaun dan lain-lain.

Saya antara sebahagian wartawan yang kerap dihantar mengikuti lawatan pemimpin ke luar negara.

Dalam tempoh itu, saya berkesempatan melawat lebih 20 negara, sama ada buat liputan lawatan menteri atau mewakili syarikat dalam program-program tertentu.

NSTP, antara lain, juga menaja skim tunai haji untuk semua staf beragama Islam dan lawatan ke negara-negara Asean untuk kakitangan bukan Islam.

Tajaan tunai haji, bermula awal 80-an ditawarkan kepada staf yang berkhidmat lima tahun atau lebih.

Masa itu kos tunai haji secara muasasah cuma RM2,000.

Setiap tahun hampir 20 staf *Berita Harian* dan *NST* menunaikan haji percuma.

Tetapi, barangkali disebabkan kos



muasasah sudah meningkat kepada RM5,000 pada awal 90-an, syarikat menaikkan tempoh kelayakan memohon tajaan ke tanah suci itu kepada 10 tahun.

Memandangkan saya mula bekerja di *NSTP* pada 1973, maka mulai 1983 saya pun memohon skim tajaan itu.

Tiap-tiap tahun saya mohon. Akhirnya, permohonan saya diluluskan. Pada 1990, ketika baharu balik dari bertugas di London, saya pun berlepas ke tanah suci, 10 hari di Madinah, 35 hari di Makkah.

Selama 45 hari, banyak yang saya pelajari dan alami, termasuk tragedi yang sangat menyayat hati, di terowong Muasim, Mina.

Akibat tabiat tolak-menolak di kawasan sesak dalam terowong, lebih 1,400 jemaah dari beberapa negara, termasuk Malaysia, terkorban akibat sesak nafas, terpijak, jatuh jambatan dan sebagainya.

Ketika tragedi itu berlaku, saya baharu kira-kira 10 minit keluar dari terowong Muasim untuk ke khemah.

Tragedi itu, pada saya, berpunca daripada sikap tidak bertoleransi sesama jemaah.

Jika jemaah bertolak-ansur dan bersabar, insya-ALLAH kejadian yang meragut begitu banyak nyawa tidak berlaku. Wallahuaklam!

Kecuali tragedi itu, semua yang saya lalui ketika mengerjakan haji berjalan lancar dan menjadi kenangan manis.

Tinggal empat orang sebilik di maktab kelolaan Tabung Haji yang hanya kira-kira 200 meter dari Masjidil Haram, saya banyak menggunakan peluang beriktikaf; keluar maktab untuk solat Subuh (kira-kira jam 4.15 pagi waktu Arab Saudi) dan balik ke maktab hanya selepas isya.

Sebagai orang muda (pada usia 39 tahun) berbanding dengan kebanyakan jemaah yang tinggal di maktab yang sama, saya juga ambil peluang berkhidmat kepada mereka yang tua, uzur dan memerlukan.

Ada yang meminta saya dapatkan ubat batuk dan ubat demam dan lain-lain yang boleh diminta daripada pihak Tabung Haji.

Saya tidak tahu kenapa, tetapi sehari demi sehari, khidmat saya lebih diperlukan.

Tentunya saya tidak menolak permintaan jemaah sebab di tanah suci memang ramai sedia berkhidmat walaupun tidak diminta.

Beberapa hari sebelum balik ke tanah air, seorang daripada jemaah wanita separuh umur dari Malaysia tiba-tiba bersuara:

Wanita: Encik, saya nak tanya bolehkah?

Saya: "Boleh, tanyalah".

Wanita: Macam mana encik pandai cakap bahasa Melayu?

Ya Allah! Saya tersentak sekejap, rasa pelik mendengar soalan itu, tapi saya jawab jugalah.

"Oh! Saya memang lama tinggal di Malaysia" saya menjawab secara berseloroh.

Wanita itu seolah-olah hairan seketika, tetapi tersenyum kemudian, sementara

beberapa jemaah yang ada berdekatan ketawa, mendengar jawapan saya.

Saya sendiri agak lambat 'menangkap' tentang kenapa saya ditanya begitu dan kenapa ramai dalam kalangan jemaah Malaysia ketawa mendengar jawapan saya itu.

Rupa-rupanya mereka salah sangka. Sejak masuk ke maktab itu, apa lagi selepas saya asyik menolong mereka ambil ubat dan sebagainya daripada Tabung Haji, mereka sangka saya bukan warga Malaysia.

Selama ini mereka beranggapan saya orang Arab Makkah yang diambil Tabung Haji menjadi wakilnya untuk membantu jemaah Malaysia di maktab itu.

Salah anggap ini, saya percaya, berlaku sebab saya menunaikan haji ifrad.

Selama 25 hari di maktab itu, saya hanya berpakaian ihram sepanjang masa, tidak pernah berbaju Melayu, tiada logo atau tanda-tanda lain menunjukkan saya orang Malaysia.

Patutlah di luar Masjidil Haram pun seorang lelaki berasal dari Pulau Pinang pernah bertanya saya: "Are you from India?"

Saya jawab spontan: "No, I am from Bukit Mertajam".

Rupa-rupanya kami dari negeri yang sama. Kami ketawa dan memeluk mesra.

Farush Khan